



KERATAN AKHBAR DAN BERITA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

15 SEPTEMBER 2023 (JUMAAT)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

15 SEPTEMBER 2023 (JUMAAT)

Sistem kad untuk salur subsidi bersasar

Oleh MAISARAH SHEIKH
RAHIM dan MOHAMAD HAFIZ
YUSOFF BAKRI
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan akan menggunakan sistem kad untuk menyalurkan subsidi bersasar bagi memastikan hanya kumpulan atau industri yang berkelayakan sahaja akan mendapat manfaat daripadanya.

Dilaksana awal tahun depan kawal penyaluran subsidi, tangani ketirisan

Kaedah itu mampu menjimatkan perbelanjaan subsidi di samping mengawal ketirisan yang merekodkan jumlah RM10

bilion pada tahun lalu akibat penyelewengan.

Langkah penyasaran subsidi tersebut adalah sebahagian daripada tindakan radikal yang digariskan melalui model reformasi ekonomi di bawah Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim minggu lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, pada permulaan, sistem kad *fleet* akan dilaksanakan bagi kawalan diesel bersubsidi terutama kepada industri pengangkutan tertentu bagi mengurangkan risiko ketirisan dan penyelewengan bahan api itu.

Bersambung di muka 2

Sistem kad untuk salur subsidi bersasar

Dari muka 1

Kaedah ini, kata beliau, mampu menjimatkan perbelanjaan subsidi di samping mengawal ketirisan berjumlah RM10 bilion pada tahun lalu.

"Pada masa ini, di belakang tabir, pasukan dari Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) sedang membangunkan satu program yang akan memperluaskan sektor-sektor awam termasuk pengangkutan dan sektor industri berkelayakan mendapat diesel subsidi melalui sistem kad.

"Pendekatan kita ambil sekarang ialah melebarkan pembenaran subsidi itu kepada kumpulan layak melalui sistem kad supaya membolehkan pengesanan subsidi lebih baik, pada masa sama dapat mengurangkan risiko ketirisan," katanya ketika ditemui di pejabatnya, Selasa lalu.

Mengikut rekod, semakan kerajaan menunjukkan penggunaan diesel melonjak 37.7 peratus iaitu 6.1 bilion liter dalam tahun 2019 (pra-Covid) kepada 8.4 bilion liter dalam tahun 2022 (pasca-Covid).

Sedangkan jumlah kenderaan berdaftar yang menggunakan diesel hanya meningkat 2.4 peratus iaitu dari 2.08 juta dalam tahun 2019 ke 2.13 juta pada tahun 2022.

Rafizi berkata, sistem kad ini akan dilaksanakan pada awal tahun depan dan kerajaan boleh mula 'menarik' semula subsidi diesel itu secara beruala apabila tempoh pelaksanaan mekanisme itu berjaya.

Pada masa sama, katanya,

kerajaan akan menyemak semula harga diesel dan skim subsidi bagi menutup jurang harga supaya tanggungan subsidi itu tidak terlalu tinggi sekali gus dapat menjimatkan subsidi pukal dan memastikan penyaluran bantuan itu dialihkan kepada penerima berkelayakan.

"Kerajaan bagaimanapun tidak bercadang memansuhkan terus subsidi diesel kerana sebarang langkah dibuat kena ambil kira kesan kepada masyarakat dan industri," katanya.

Ditanya adakah mekanisme penggunaan sistem kad itu akan turut diperluaskan kepada subsidi petrol RON95, beliau berkata, pengumuman berhubung perkara itu akan dibuat dalam semasa ke semasa.

Katanya, Kementerian Ekonomi akan mengharmonikan semua keputusan dan langkah itu sebelum keputusan dasar dibuat dalam Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan diserahkan kepada kementerian dan agensi berkaitan untuk dilaksanakan.

Dalam pada itu, Rafizi menjelaskan langkah penyasaran subsidi di bawah KSP adalah usaha mengenal pasti enjin pertumbuhan baharu dan melipatgandakan pertumbuhan ekonomi termasuk menyemak pemberian subsidi pukal kerana kerajaan perlu menanggung jumlah tinggi setiap tahun.

Pada tahun lalu, hampir RM80 bilion jumlah subsidi pukal perlu ditanggung, sedangkan ia membuka kepada penipuan dan penyelewengan.

"Diesel ini sepatutnya hanalah kepada orang biasa yang menggunakan kenderaan biasa

di pam stesen petrol. Tetapi yang banyak pakai diesel ini sebenarnya bukan orang biasa kerana berapa banyak kereta sekarang pakai diesel?

"Jadi akhirnya diesel dibeli dan diseleweng kerana yang beli kat pam kononnya untuk kereta dia tapi dia isi masuk dalam tong, lepas itu dia pergi jual kepada industri.

"Begini juga RON95 ini banyak digunakan oleh mereka berpendapatan lebih tinggi berbanding kumpulan sasaran lain. Jika kita terus ber secara pukal seperti sekarang walaupun penyelewengan tidak seterusnya diesel, namun, subsidi itu masih lagi sampai kepada orang yang tidak memerlukan," katanya.

Menurutnya, tindakan penyasaran subsidi elektrik yang dimulakan sekarang sudah nampak kesannya dan kerajaan boleh jimat sehingga RM9 bilion berbanding perlu menanggung jumlah keseluruhan subsidi sehingga RM30 bilion tahun lalu.

"Kilang-kilang besar yang untung banyak guna elektrik tidak berhemah kerana elektrik murah tetapi rakyat kena tanggung subsidi dia.

"Perkara-perkara ini tidak dibuat kerajaan sebelum ini. Kita akan buat dan sudah tentu ada kesan kepada rakyat. Ia ada risiko politik dan risiko itu tidak mahu diambil pentadbiran sebelum ini namun kesannya diwariskan kepada pentadbiran sekarang.

"Ia akan dijadikan isu untuk menyerang Kerajaan Perpaduan, bagi kami, KSP ini adalah satu tindakan paling bertanggungjawab dan patriotik," katanya.

MINYAK MASAK TAK CUKUP DI KELANTAN

Peruncit tak berdaftar punca putus bekalan

Kota Bharu: Bekalan minyak masak bersubsidi di negeri ini sentiasa mencukupi dan tidak timbul isu ia tidak dijual di kedai runcit atau borong.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Kelantan Azman Ismail berkata, 18 syarikat pembungkusan semula di negeri ini menerima kuota minyak masak masing-masing setiap bulan.

"Semua syarikat pembungkusan semula ini menerima kuota masing-masing antara 28 tan metrik sehingga 500 tan metrik setiap bulan.

"Apabila kuota habis dibekalkan kepada pemborong, mereka perlu menunggu bulan seterusnya untuk mendapatkan bekalan lain dan sementara itu, pemborong boleh mendapatkan minyak masak bersubsidi di syarikat lain.

"Jadi, tidak timbul isu bekalan minyak masak terputus kerana masing-masing menerima kuota, malah pasukan kami setiap hari membuat penyelarasan pengagihan kepada premis perniagaan yang ada lesen sah berniaga borong atau runcit



AZMAN (kanan) menunjukkan plastik minyak masak yang bersubsidi yang digunting sebelum disimpan di dalam tong terpakai dengan label bahan kimia.

seperti ditetapkan KPDN di seluruh Kelantan," katanya.

Azman berkata, isu minyak masak terputus bekalan hanya timbul di pihak peruncit atau pemborong yang tidak memiliki lesen borong atau runcit.

Menurutnya, siasatan empat hari lalu terhadap enam premis runcit

mendapati, lima daripadanya tiada lesen runcit sekali gus gagal mendapatkan stok minyak masak daripada pemborong.

"Pemborong wajib jual kepada peruncit yang ada lesen ECOSS (Skim Penstabilan Harga Minyak Masak) kerana jika tiada

ECOSS, pemborong tidak dapat subsidi.

"Apabila kita minta mereka (perun-

cit) daftar lesen (borong atau runcit), mereka enggan, jadi kita tak boleh nak bantu. Bagaimanapun bekalan minyak masak di premis besar seperti pasar raya tetap ada," katanya.

Pada perkembangan berasingan, KPDN Negeri Kelantan merampas 2,308 kilogram (kg) minyak masak bersubsidi bernilai RM46,454 di sebuah bengkel membaiki lori di Pasir Puteh, Selasa lalu.

Azman berkata, serbuan dilakukan di ruang belakang bengkel itu jam 2 petang. Pihaknya menemukan 12 tong plastik berpelekatan bahan kimia dengan kandungan minyak masak.

"Hasil soal siasat terhadap pemilik bengkel yang juga wanita berusia 65 tahun, dia mendakwa memperoleh bekalan daripada Besut, Terengganu dan memberi alasan menjual barang subsidi itu kepada peniaga pisang goreng.

"Bagaimanapun, kita syak ia ada kaitan dengan penyelewengan walaupun minyak masak paket itu diisi semula dalam tong plastik berpelekatan bahan kimia, dipercayai untuk mengaburi pihak berkua-sa," katanya.

Syarikat pembungkusan terima kuota 28 sehingga 500 tan metrik setiap bulan

KPDN sasar 200 premis sertai KPDN Spot-i sehari



MOHD. ZUHAIRI (enam dari kanan) dan Mohd. Abdullah (lima dari kanan) ketika selepas penyerahan poster pengimbas KPDN Spot-i di Petron R&R Sungai Buloh, Hulu Selangor semalam.

HULU SELANGOR – Sebanyak 200 premis termasuk kedai rungit disasarkan untuk menyertai platform KPDN Spot-i sehari di Selangor.

Pengarah Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) Selangor, Mohd. Zuhairi Mat Radey berkata, platform tersebut merupakan digitalisasi capaian maklumat dan informasi termasuk harga barang keperluan dan kawalan untuk panduan para pengguna.

Katanya, ini juga memudahkan sebarang aduan dibuat oleh para pengguna termasuk sekira-

nya tidak meletakkan harga atau harga tidak tepat dengan pelaburannya.

"Kita telah mulakan dua bulan lalu bagi prapelancarannya di premis terpilih dan mendapat maklum balas amat baik daripada peniaga dan pengguna."

"Semua infografik berkaitan polisi dan informasi terkini dari pada KPDN. Contohnya stesen minyak, kita jalankan penentusan dan pengujian dispenser pam supaya tidak wujud isu minyak di sini kurang antara sesebuah syarikat stesen minyak," katanya ketika ditemui pada program Ride For Rahmah (RFR) di

sini semalam.

Terdahulu, beliau melancarkan edaran poster rasmi KPDN Spot-i di stesen minyak hentian rawat dan rehat (R&R) Sungai Buloh yang turut dihadiri Pengurus Kawasan Petron Lembah Klang, Sabah dan Sarawak, Mohd. Abdullah Shabri.

Mohd. Zuhairi menjelaskan, Selangor menjadi perintis kepada platform tersebut sebelum diperluaskan ke seluruh negara oleh pengurusan tertinggi KPDN.

Ujarnya, pengguna hanya perlu mengimbas poster KPDN Spot-i tersebut sebelum memasuki platform berkenaan.

A LOT OF CHALLENGES

Ministry officers manning Thai border face even bullets

KOTA BARU: Being one of the agencies manning the Kelantan-Thailand border, officers from state Domestic Trade and Cost of Living Ministry have been facing many risks and even threats to their lives, including receiving bullets.

Their cars have also been rammed by 'tontos' (thugs) hired by smugglers.

State ministry director Azman Ismail said all these threats would not discourage his officers from continuing their duties.

Having more than 120 officers, he said

they would focus on their work to ensure problems faced by the public were resolved and those who committed trade offences were caught.

"Although the number of ministry officers in Kelantan is seen as insufficient to handle the cases, the problems faced by the state consumers are still our main priority."

"I have repeatedly told my officers to continue giving their best service to the people although I realise that they are facing a lot of challenges while on duty, especially when it comes to smuggling cases."

Azman said the ministry officers were also involved in operations such as Op Manis, Op Menu, Op Tiris and Op Putih.

"There are also joint operations with other border agencies, like Op Terjah and Op Bersepadu. The operations are carried out according to hours or shifts."

He added that manning the border, which is about 96km from Pengkalan Kubor to Jeli, was also a big challenge.

"The border is quite long, but the Golok river is very narrow, and this makes it easy for smugglers.



Kelantan Domestic Trade and Cost of Living Ministry director Azman Ismail (centre) with his enforcement officers in Kota Baru recently. PIC BY SHARIFAH MAHSINAH ABDULLAH

"Despite all this, smuggling of subsidised and controlled items along the border is still under control."

On another note, Azman said the ministry had inspected 46,499 premises in a

series of operations statewide since early this year.

"During the period, we have recorded 642 cases with the seizure of RM3.5 million worth of goods."

**Earn 7 digits USD commission /profit
in Artifacts Global Trading.**

**Professional High Net Worth Dealmakers /
Bankers / Brokers / Agents /
Auctioneers / Buyers preferred.**

Contact:

Mr. Mark Kong

+65 - 9337 6875 / markkong007@gmail.com

or

Mr. Kerry Liao

+65 - 9722 8853 / kerry.liao@outlook.com



BERITA ONLINE (KPDN)

15 SEPTEMBER 2023 (JUMAAT)

BERITA ONLINE BERTARIKH 15 SEPTEMBER 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
15-Sep	Isu bekalan minyak masak terputus di Kelantan tidak timbul - KPDN	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/09/1152576/isu-bekalan-minyak-masak-terputus-di-kelantan-tidak-timbul-kpdn	BH
15-Sep	Sasar 200 premis sehari sertai KPDN Spot-i	https://www.kosmo.com.my/2023/09/14/sasar-200-premis-sehari-sertai-kpdn-spot-i/	KOSMO
15-Sep	Tubuh jawatankuasa tangani kekurangan bekalan beras tempatan	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/tubuh-jawatankuasa-tangani-kekurangan-bekalan-beras-tempatan/	UM
15-Sep	Kempen Beli Barang Malaysia tingkat ekonomi negara, luaskan pasaran produk tempatan	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1009637/kempen-beli-barangan-malaysia-tingkat-ekonomi-negara-luaskan-pasaran-produk	HM
15-Sep	Sukar dapat gula kasar bersubsidi	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1009847/sukar-dapat-gula-kasar-bersubsidi	HM
15-Sep	Jualan Rahmah sempena Hari Malaysia pada 15 dan 16 Sept	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/jualan-rahmah-sempena-hari-malaysia-pada-15-dan-16-sept-437382%3famp=1	ASTROAWANI
15-Sep	KPDN officers face threats, receive bullets, have cars rammed by 'tontos'	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2023/09/955324/kpdn-officers-face-threats-receive-bullets-have-cars-rammed-tontos	NST